



**SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PERGERAKAN PULANG
PELAJAR TAMAT PENGAJIAN
KE KOLEJ PROFESIONAL MARA AYER MOLEK, MELAKA
BAGI URUSAN MENGAMBIL BARANGAN PERIBADI**

1. Bilakah pelajar yang telah menamatkan pengajian boleh pulang ke Kolej Profesional MARA Ayer Molek (KPMAM) untuk mengambil barang peribadi di asrama?

Pelajar yang telah tamat pengajian boleh kembali ke kolej mulai 16 Jun 2020 (Selasa) secara **berperingkat**.

2. Siapakah yang boleh datang ke KPMAM untuk mengambil barang peribadi pelajar?

Pelajar dibenarkan untuk hadir dengan **seorang** waris sahaja, iaitu sama ada ibu, atau bapa, atau saudara terdekat yang lain seperti abang, kakak, ibu atau bapa saudara bagi mengambil barang-barang peribadi pelajar di asrama.

3. Adakah terdapat waktu dan hari khusus yang ditetapkan bagi urusan mengambil barang peribadi pelajar?

Pelajar diperuntukkan waktu bermula **9:00 pagi sehingga 3:00 petang** sahaja setiap hari bekerja (**Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat**), tetapi tidak termasuk hujung minggu (**Sabtu dan Ahad**) dan **cuti umum** bagi mengambil barang-barang peribadi pelajar di asrama. Pelajar wajib mengisi Google Form sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Penggiliran Kehadiran di bawah:

Tarikh	Hari	Program Pengajian	Jantina	Link Google Form
16 Jun 2020	Selasa	DIA	Lelaki	https://forms.gle/Ki9jW8dnHFvdi8iu7
17 Jun 2020	Rabu	DIA	Lelaki	https://forms.gle/UjbnX2v6L4GnNFF36
18 Jun 2020	Khamis	DBS	Lelaki	https://forms.gle/p6HK4pVK6PCkoEgo9
19 Jun 2020	Jumaat	DIA	Perempuan	https://forms.gle/zaBFDrBhcs1Sm94f7
22 Jun 2020	Isnin	DIA	Perempuan	https://forms.gle/Yt3BbYwu2mxKQ5Ry5
23 Jun 2020	Selasa	DBS	Perempuan	https://forms.gle/UNxFVCKjZBkkrBsk6
24 Jun 2020	Rabu	DBS	Perempuan	https://forms.gle/gahLRzGzxpS27Dm6

Nota : Link untuk Google Form ini hanya akan dibuka mulai 00:00 HRS, 12 Jun 2020 (Jumaat) dan akan ditutup pada 23:59 HRS, 14 Jun 2020 (Ahad), atau sehingga kuota harian pada hari berkenaan penuh, yang mana terdahulu.

4. *Sekiranya pelajar tidak sihat, bagaimanakah cara untuk mengambil barang peribadi pelajar yang masih ada KPMAM?*

Hanya pelajar yang sihat yang dibenarkan kembali semula ke kolej untuk mengambil barang. Pelajar yang tidak sihat seperti demam, batuk kering, kelesuan dan kesukaran pernafasan perlu **memaklumkan kepada pihak kolej** untuk mendapatkan tarikh baharu untuk mengambil barangan. Pelajar dinasihatkan untuk tidak menggunakan kenderaan awam bagi perjalanan kembali ke kolej.

Sekiranya pelajar terpaksa menggunakan kenderaan awam, sila pastikan **semua langkah pencegahan wabak COVID-19** yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi seperti memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*), menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) serta mengamalkan penjarakan sosial ketika berada di tempat awam seperti stesen bas, stesen komuter, stesen keretapi dan lapangan terbang.

5. *Apakah peraturan yang perlu dipatuhi semasa pelajar dan waris hadir di kolej untuk mengambil barang peribadi pelajar?*

Semua pelajar dan waris diwajibkan memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*) dan menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebelum disaring tahap kesihatan (rujuk perkara no. 7) dengan diambil suhu kesihatan oleh pengawal keselamatan di pondok pengawal. Hanya pelajar dan waris yang **sihat sahaja** dibenarkan untuk masuk ke kolej.

Sekiranya terdapat **ahli keluarga serumah** dengan pelajar yang dikenalpasti sebagai positif COVID-19 dan masih mendapatkan rawatan, atau telah dikenalpasti sebagai individu dalam siasatan (*Person Under Investigation - PUI*), atau mempunyai penyakit Influenza (*Influenza-Like-Illness - ILI*), Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (*Severe Acute Respiratory Infection - SARI*):

- (a) Pelajar **tidak dibenarkan pulang ke kolej** dan perlu diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (*Home Surveillance*) untuk memantau status kesihatan mereka secara pemantauan sendiri di tempat tinggal masing-masing selama 14 hari dengan diberikan surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19 Di Bawah Seksyen 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) mengikut garis panduan yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- (b) Pelajar perlu **mendapatkan surat pengesahan** Pelepasan Dari Menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman Bagi Kontak Jangkitan COVID-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) daripada hospital kerajaan sebelum dibenarkan kembali semula ke kolej.
- (c) Kenderaan waris tidak dibenarkan masuk ke kawasan asrama (rujuk perkara no. 7). Waris juga **dilarang sama sekali** untuk masuk ke dalam bangunan asrama. Bagi mencegah penularan wabak COVID-19, waris **tidak dibenarkan untuk menggunakan premis kolej** seperti surau, kafeteria dan kemudahan yang lain.

6. Apakah yang pelajar patut lakukan sekiranya pelajar dan keluarga berada di dalam kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)?

Bagi pelajar dan keluarga yang berada di dalam kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), pelajar **tidak dibenarkan untuk keluar** daripada kawasan PKPD sepanjang tempoh perintah dikuatkuasakan.

Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak KPMAM berkenaan status PKPD di kawasan tempat tinggal pelajar **sebelum dibenarkan untuk hadir** mengambil barang peribadi milik pelajar.

7. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelajar dan waris sewaktu berada di KPMAM bagi urusan pengambilan barang ini?

Berikut ialah langkah yang akan dikenakan dan perlu dipatuhi oleh pelajar dan waris:

- (a) Pelajar diwajibkan untuk melengkapkan butiran dan maklumat dalam **Google Form - rujuk perkara no. 3**, bermula **12 Jun 2020 (Jumaat) dan berakhir pada 14 Jun 2020 (Ahad)**. Pelajar yang tidak mengisi borang ini tidak akan dibenarkan untuk hadir mengambil barang di KPMAM. Sebarang **pertukaran tarikh adalah tidak dibenarkan** kecuali untuk kes tertentu seperti perkara no. 4 di atas;
- (b) Pelajar dan waris diwajibkan untuk muat turun **aplikasi MySejahtera**;
- (c) Pihak KPMAM akan melaksanakan **saringan kesihatan di pintu masuk kolej** bagi memastikan hanya pelajar dan waris yang sihat sahaja dibenarkan memasuki kolej;
- (d) Pelajar akan diberi **tempoh masa selama enam puluh (60) minit sahaja** untuk mengemas dan mempersiapkan peralatan dan barang-barang yang akan dibawa pulang ke rumah. **Hanya pelajar (1 orang) dibenarkan** untuk masuk ke bilik masing-masing, sementara waris pelajar dikehendaki **menunggu** di lot meletak kenderaan awam yang ditentukan;
- (e) Pelajar perlu **memastikan keadaan bilik** dalam keadaan kemas, teratur dan bersih sebelum meninggalkan kolej - penalti dan tindakan lain termasuk **ditahan diploma** akan dikenakan sekiranya perkara ini tidak dipatuhi;
- (f) Pelajar perlu **melengkapkan borang yang berkaitan** dan diserahkan kepada pihak kolej;
- (g) Pelajar perlu mematuhi **SOP pemulangan kunci bilik** yang ditentukan oleh Penyelia Asrama;
- (h) Pelajar dan waris diminta untuk **segera meninggalkan kawasan kolej** selepas selesai urusan mengambil barang peribadi.

PENTING!

Sebarang perubahan dan penambahbaikan bagaimanapun adalah tertakluk kepada pemakluman dan arahan semasa daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)